

1953

TANAH MERAH, 20 MAC. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD PATUT DIBERIKAN GELARAN 'BAPA PEMBANGUNAN MENTAL' KERANA USAHA-USAHA BELIAU MENGALIH PandANGAN RAKYAT DI NEGARA INI MEMANDANG KE TIMUR, KATA KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN INI, ENCIK HASHIM SAFIN.

BELIAU BERKATA PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN INI DALAM MESYUARAT AGUNG PERWAKILANNYA HARI JUMAAT LALU TELAH SEBULAT SUARA MELULUS USUL TERGEMPAR MEMBERI GELARAN ITU KEPADA PERDANA MENTERI.

KATANYA, USUL TERSEBUT AKAN DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN DI KUALA LUMPUR JULAI NANTI.

KATANYA LAGI, USUL TERSEBUT DIHARAP AKAN MENDAPAT PERSETUJUAN DARI PARA PERWAKILAN DALAM MESYUARAT AGUNG ITU NANTI SEBAGAI MENGHARGAI JASA DAN USAHA PERDANA MENTERI. -- BERNAMA 1937/MK